

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SEMARAKKAN BULAN KEBANGSAAN DENGAN MEMPERKUKUHKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

---

**MELAKA, 30 Ogos 2021** – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) menyeru semua rakyat Malaysia khususnya yang berada di Melaka untuk bersama-sama memerdekakan minda dari sikap kurang prihatin terhadap kebersihan alam sekitar dan mengubah sifat kelakuan kepada yang lebih positif melalui pengurusan sisa pepejal secara berhemah, melaksanakan *Separation at Source (SAS)*, *Reduce, Reuse & Recycle (3R)*, amalan kitar semula dan turut mengambil tanggungjawab dalam memastikan kebersihan alam sekitar dan negara kita sempena sambutan bulan kebangsaan pada tahun ini.

“Sebagai syarikat konsesi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, SWM Environment memainkan peranan yang penting dalam mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan amalan kitar semula dan penjagaan kebersihan terutamanya sewaktu negara sedang dilanda pandemik COVID-19,” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Tambah beliau lagi, cabaran utama sejak 64 tahun kemerdekaan ini adalah untuk membentuk pemikiran rakyat yang merdeka dari sikap tidak ambil peduli tentang kebersihan serta manfaat dari amalan kitar semula.

Peningkatan jumlah janaan sisa pepejal setiap tahun amat membimbangkan. Kesannya adalah kepada ekosistem negara dan kos perbelanjaan yang tinggi bagi melupuskan sisa pepejal dan SWM Environment sentiasa berusaha memberi pendidikan dan kesedaran awam tentang kepentingan amalan pengasingan sisa di punca (SAS) dan 3R supaya ianya dapat menyumbang kepada pengurangan janaan sisa pepejal yang perlu dilupuskan di tapak pelupusan.



Jumlah kes sampah longgok dan pembuangan sisa pepejal secara haram di kawasan sungai dan saluran, bahu-bahu jalan, jalan mati dan lain-lain kawasan yang tersembunyi turut meningkat. Kesan daripada perbuatan ini bukan sahaja menyumbang kepada pencemaran alam sekitar malah mengganggu pemandangan dan boleh menjadi faktor penularan wabak penyakit kepada masyarakat setempat.

Sempena bulan kebangsaan ini, SWM Environment berharap agar masyarakat akan lebih prihatin terhadap pemeliharaan alam sekitar dan kepentingan amalan kitar semula dalam memastikan pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan. Impak dari kelestarian alam juga bakal menentukan masa depan negara serta anak-anak yang bakal menerajui negara pada suatu hari nanti.

**-TAMAT-**

### **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Puan Noor Che Wah Binti Ramli**

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : [wah.ramli@swmsb.com](mailto:wah.ramli@swmsb.com)